

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.03.19**

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[SUNGAI PETANI]**

**SOALAN**

**YB DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini rundingan Projek Pembinaan Rangkaian Keretapi Timur (ECRL).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan masih dalam rundingan dengan kontraktor utama China Communications Construction Company (CCCC) bagi mengurangkan kos Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL); yang bakal menentukan sama ada projek ini akan diteruskan atau sebaliknya.

Pada masa ini, semua kerja-kerja dan perkhidmatan berkaitan projek ECRL masih digantung oleh Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), syarikat khusus di bawah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan semenjak notis pengantungan dikeluarkan pada 3hb Julai 2018.

Terima kasih